

'ANCAM HAK MELAYU DERHAKA'

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan ancaman ke atas kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai satu perbuatan durhaka yang mengkhianati bangsa dan agama. **UM 28 SEP 1985**

Sambil memberi jaminan untuk mempertahankan kedudukan itu, beliau berkata, UMNO akan terus melindungi seluruh rakyat negara ini dengan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang didokong oleh Islam. Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru orang-orang Melayu menebalkan semangat kebangsaan mereka supaya Melayu menjadi bangsa yang bermaruah, dihormati dan disegani.

Beliau berucap di perasmian persidangan agung UMNO yang ke 36 di Dewan Merdeka, Kompleks UMNO di sini hari ini.

Ucapan tersebut yang juga menyentuh tingkah laku orang-orang di keliling raja-raja telah disifatkan sebagai satu ucapan dasar yang berani, tegas dan berterus terang. Presiden UMNO itu terpaksa berhenti berkali-kali menunggu tepukan gemuruh reda untuk membolehkan beliau menyambung ucapannya yang bertemakan 'Masyarakat dan Nasionalisme.'

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan golongan yang mengancam kedudukan istimewa orang-orang Melayu supaya jangan menjual bangsa dan keturunan semata-mata kerana hendakkan undi.

"Undi memang penting dalam politik demokrasi, tetapi janganlah kerana undi kita sanggup menjual bangsa dan keturunan kita." ujarnya.

LIHAT MUKA 6

UM 28 SEP 1985
Mengenai semangat kebangsaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ini bukanlah untuk mendabik dada atau bermegah-megah, tetapi adalah untuk mendorong orang-orang Melayu meningkatkan kebolehan mereka supaya mereka sama, bahkan lebih daripada orang lain. "Inilah kebangsaan yang dimaksudkan oleh UMNO. Janganlah sesiapa mencemarkan semangat kebangsaan kita ini dengan kelakuan atau perbuatan butuk yang menghinakan bangsa kita," tegasnya. Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir meminta para perwakilan UMNO memikirkan Melayu jenis apakah yang harus kekal dan tidak hilang di dunia. "Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah

semangat dan yang tidakpun berupaya mempertahankan diri. "Melayu apakah yang tidak akan hilang di dunia ini? Bersama - samalah kita merenungkannya," kata beliau. Selain dari itu, tegasnya, orang-orang Melayu juga tidak harus segan silu dengan perasaan cintakan negara dan bangsa dan "saya tidak malu mengakui bahawa semangat kebangsaanlah yang memberi dorongan kepada tindakan saya." Dalam hubungan ini Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa UMNO sendiri adalah parti kebangsaan dengan ahli-ahli yang terdiri daripada orang-orang Islam dan oleh itu, UMNO adalah juga parti Islam. "Islam dan semangat kebangsaan tidak bertentangan. Sebagai parti kebangsaan, UMNO akan melindungi orang-orang Melayu khususnya, serta rakyat dan negara Malaysia amnya daripada ancaman pengaruh-pengaruh luar." **tiarova**